

Penduduk piket isu banjir

Desak projek naik taraf sungai disegerakan, elak kejadian berulang



Penduduk mendesak supaya projek naik taraf sungai disegerakan.

NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES - Seramai 100 penduduk membuat piket mendesak supaya projek naik taraf sungai di Kg Laksamana dekat sini disiapkan dalam kadar segera.

Kelewatan menyiapkan projek tersebut didakwa mendorong kekerapan berlaku banjir lumpur di empat kawasan iaitu Kg Laksamana, Kg Nakhoda, Sg Kertas dan Sg Tua setiap kali hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg Laksamana, Mahmad Ismail berkata, projek tersebut di-

jadualkan siap sebelum Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini selepas ditangguhkan beberapa kali.

"Mesyuarat bersama pihak terlibat telah dibuat namun tiada tanda projek tersebut akan siap dalam jangka masa terdekat.

"Pemaju minta kita tutup jalan untuk pelebaran sungai, dan kita sudah lakukan tetapi dalam tempoh itu kita tidak nampak kerja yang dilakukan. Apabila penduduk buat bising, baru mereka buat kerja tetapi hanya seketika dan hasilnya tidak nampak," katanya.

Seorang penduduk, Nor Haslinda Md Fouzi, 26, ber-

kata, dia bimbang terpaksa bersanding dalam keadaan banjir sekiranya projek tersebut tidak disiapkan segera.

"November ini saya bakal berkahwin dan kejadian banjir lumpur awal bulan ini benar-benar membimbangkan kami sekeluarga.

"Kami pilih tarikh itu sebab cuti sekolah, ada juga terfikir untuk adakan majlis di dewan sahaja tetapi semuanya sudah penuh," katanya.

Seorang lagi penduduk, Sukardi Katiman, 61, berkata, purata kerugian yang ditanggungnya sekeluarga akibat banjir berulang dianggarkan RM10,000 hingga RM30,000.



Penduduk berharap jambatan Kg Laksamana dapat dibuka segera kerana semakin uzur dan menghalang kelancaran laluan air.

"Setiap kali selepas banjir kami akan beli barangan baru terutamanya barang elektrik seperti mesin basuh, peti sejuk dan komputer selepas rosak terkena air.

"Saya harap masalah ber-

ulang ini mendapat perhatian kerajaan negeri atau kerajaan pusat kerana kami tak dapat sebarang pampasan," katanya.

“November ini saya bakal berkahwin dan kejadian banjir lumpur awal bulan ini benar-benar membimbangkan kami sekeluarga. Kami pilih tarikh itu kerana musim cuti sekolah, ada juga terfikir untuk mengadakan majlis di dewan sahaja tetapi semuanya sudah penuh.”

Nor Haslinda

